



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 20/3/2009

TUAN HAJI YACOB BIN AB. MAJID - IMAM RAWATIB

USTAZ HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL 1

(Tajuk Khutbah : Menghargai Peranan Pasukan Keselamatan)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.00	7.15	1.21	4.25	7.23	8.32	5.50

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

Bil. 12/2009

Tarikh: 20 Mac 2009 /23 Rabiulawal 1430H

PERCUMA

Tazkirah

RAHSIA LUQMAN AL-HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK

Sambungan dari minggu yang lepas

55. Hikmah Luqman mengenai berbicara

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jangan kamu berbicara hikmah di hadapan orang-orang tidak berguna. Sekiranya itu kamu lakukan, mereka tidak mempercayai apa yang kamu katakan. Jangan pula berbicara sesuatu yang salah di hadapan orang-orang bijak. Sekiranya itu kamu lakukan, mereka pasti membencimu."

56. Hikmah Luqman mengenai strategi berbicara

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, orang yang berbicara pada orang yang tidak mahu mendengarkan perbicaraannya, maka dia ibarat orang yang menjamu makanan kepada penghuni kubur."

57. Hikmah Luqman mengenai ilmu

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jangan sampai kamu tidak mahu mempelajari ilmu dari ahlinya. Sekiranya itu kamu lakukan kamu akan berdosa. Jangan pula membicarakan ilmu kepada selain ahlinya. Sekiranya itu kamu lakukan, maka kamu tidak akan dihiraukan."

58. Hikmah Luqman mengenai malas dan gelisah

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jauhilah kemalasan dan kegelisahan. Apabila kamu malas, kamu tidak boleh melaksanakan tugasmu. Sementara apabila kamu gelisah, kamu tidak mampu bersabar melaksanakan tugasmu."

59. Hikmah Luqman mengenai guru berpengalaman

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, mintalah cadangan daripada orang yang banyak

pengalaman. Orang seperti ini semasa memberi pendapatnya kepadamu daripada pengalaman yang diterimanya dengan tidak ternilai, sedangkan kamu hanya mengambilnya secara percuma."

60. Hikmah Luqman mengenai teman

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, janganlah kamu meninggalkan temanmu yang pertama. Sekiranya itu kamu lakukan maka temanmu yang kedua tidak tenang berteman denganmu. Puteraku, carilah seribu teman, kerana seribu teman itu terasa sedikit. Janganlah kamu mencari seorang musuh sahaja, kerana seorang musuh itu sudah terasa banyak."

61. Hikmah Luqman mengenai perjalanan

Pada suatu masa sebelum perjalanan, Luqman berpesan kepada puteranya, "Puteraku, apabila kamu dalam perjalanan, jangan tidur di atas haiwan tungganganmu. Terlalu banyak tidur di atas haiwan tungganganmu akan menyakitinya belakngnya. Sekiranya kamu singgah di atas yang ditumbuhi rumput, maka berilah bahagian rumput itu untuk haiwanmu. Berilah makanan dan minuman kepada haiwanmu sebelum kamu sendiri makan dan minum. Apabila kawasan penduduk masih jauh, kamu sebaiknya berjalan sahaja di malam hari. Bumi ini terasa pendek jaraknya pada waktu malam. Apabila ingin singgah, jangan singgah di lubang jalan, kerana lubang jalan adalah tempat bersembunyi ular dan binatang buas. Singgahlah di tempat yang berpemandangan bagus, bertanah gembur dan banyak rumput-rumputnya. Apabila kamu singgah di suatu tempat, jangan lupa



HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



Sambungan dari minggu lepas

Demikianlah, wanita yang bijak bestari tersebut lalu dinobatkan menjadi ratu Saba'. Dia menjanjikan kepada rakyatnya pemerintahan yang adil dan menegakkan demokrasi dan Al-Quran yang telah mencatat kebenaran tentang akhlak terpuji Balqis.

Ketika datang surat Nabi Sulaiman a.s yang dibawa oleh seekor burung, ratu Balqis sedang dikeliling para menteri dan penasihatnya.

Berkatalah Balqis: "Wahai pembesar Kerajaan Saba' sesungguhnya telah dijatuhkan kepadaku sepucuk surat

yang mulia dari Sulaiman bin Daud, isinya:

"Dengan menyebut nama Allah S.W.T. yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Janganlah kamu sekalian berlaku sombong terhadapku dan datanglah kepadaku sebagai orang yang berserah diri (kepada Allah S.W.T.)."

Kemudian Balqis berkata lagi: "Wahai para pembesar, berilah aku pertimbangan dalam urusanku ini, aku tidak pernah memutuskan suatu persoalan sebelum kamu berada dalam majlis (tempat pertemuan) ku ini."

Bersambung di m/s 3 >>>

<<< *sambungan dari m/s 1*

solat dua rakaat sebelum duduk. Lalu berdoalah, "...Tuhanku, tempatkanlah aku pada tempat yang diberkati dan Engkau adalah sebaik-baik Yang memberi tempat:

(Surah *al-Mukminun*, ayat 29).

Sekiranya kamu hendak buang hajat, hindarilah dengan membuang hajat di jalanan. Gunakan juga tabir sehingga kami tidak dapat dilihat orang. Apabila kamu meninggalkan tempat persinggahan, solatlah dua rakaat, ucapkanlah selamat tinggal kepada tempat yang akan kamu tinggalkan dan ucapkanlah salam kepadanya penghuninya. Setiap tempat itu mempunyai penghuni dari golongan malaikat. Apabila kamu melewati dataran tinggi, lembah atau gunung, maka perbanyaklah menyebut nama Allah kerana dataran dan gunung saling memanggil satu sama lain kemudian berkata, "Apakah kamu dilawati oleh seseorang yang menyebut nama Allah?" Kalau kamu sanggup tidak makan makanan sehingga kamu yakin perkara itu dapat kamu lakukan, maka lakukanlah. Sebutlah nama Allah selama kamu menaiki kenderaan. Bertasbihlah selama berpuasa dan berdoalah selama bersendirian. Janganlah kamu memulakan perjalanan pada awal malam. Sebaik-baiknya kamu memulakan perjalanan pada pertengahan malam sehingga akhir malam.

Jangan kamu bersuara selama dalam perjalanan kecuali menyebut nama Allah. Semasa pergi, bawalah pedang dan panah. Bekalkan dirimu dengan peralatan yang berguna bagimu dan bagi

temanmu yang sedang sakit yang turut serta bersamamu. Jaga kedamaianmu dengan temanmu. Setiap kali mereka meminta pertolongan, tolonglah mereka. Apabila mereka meminta kamu menjadi saksi maka berilah mereka dan pertahankanlah pendapatmu. Apabila kamu melihat mereka berjalan maka berjalanlah bersama mereka. Apabila mereka melakukan sesuatu, lakukanlah sesuatu itu bersama mereka atau bantulah mereka. Dengarkanlah perkataan orang yang lebih tua di antara mereka. Apabila kamu keliru dalam perjalanan, maka singgahlah. Apabila kamu ragu dengan tujuan, maka teguhkanlah pendirian dan mesyuaratlah sesama kamu. Apabila kamu melihat seorang penunggang kuda, janganlah kamu bertanya kepadanya kerana orang yang sendirian di padang yang luas akan mengelirukan kamu. Orang yang hadir akan melihat segala sesuatu yang tidak dilihat oleh orang yang tidak hadir. Apabila orang yang berakal melihat sesuatu maka dia akan mengetahui kebenaran dengan hatinya."

62. Hikmah Luqman mengenai tiga bahagian diri manusia

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, manusia itu terdiri dari bahagian, pertama seper tiga untuk Allah, kedua sepertiga untuk dirinya dan ketiga sepertiga lagi untuk cacing. Untuk Allah adalah rohnya, untuk dirinya adalah amal perbuatannya dan untuk cacing adalah jasadnya."

Bersambung di minggu hadapan

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Empat Ratus

هِيَ نَذْهَبُ لِلنَّزْهَةِ

MARI KITA PERGI BERSIAR-SIAR

أشرف : أَبِي، إِلَى أَيْنَ سَنَذْهَبُ فِي الْعُطْلَةِ الْمَدْرَسِيَّةِ ؟

Ashraf: Ayah, ke mana kita akan pergi pada cuti persekolahan.

الأب : سَنَقْضِي الْعُطْلَةَ بِزِيَارَةِ جَدِّكَ فِي الْقَرْيَةِ.

Ayah: Kita akan habiskan cuti dengan menziarahi datuk kamu di kampung.

أشرف : كَمْ أَيَّامٍ سَنَقْضِي فِي الْقَرْيَةِ ؟ وَمَاذَا سَنَفْعَلُ هُنَاكَ ؟

Ashraf: Berapa hari kita akan berada di kampung? Dan apa yang akan kita lakukan di sana?

الأب : حَوَالِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ. سَنَزُورُ مَزْرَعَ الْفُؤَاكِهِ، وَنَتَحَوَّلُ

حَوْلَ الْقَرْيَةِ، فِيهَا مَنَاطِرٌ رَائِعَةٌ، وَنُصَادُ الْأَسْمَاكَ فِي النَّهْرِ.
Ayah: Kira-kira 4 hari. Kita akan melawat kebun buah-buah, dan bersiar-siar sekitar kampung, di mana terdapat pemandangan yang menarik, dan kita akan menangkap ikan di sungai.

الأم : إِذَنْ، سَأَتَّصِلُ هَاتِفِيًّا بِجَدِّكَ لِأَخْبِرَ هَذَا الْخَبْرَ!

Ibu: Oleh itu, ibu akan hubungi datuk kamu secara telefon untuk memberitahu berita ini.

Pemandangan : مَنَاطِرٌ رَائِعَةٌ
menarik

المُعْجَمُ :
Kamus :

نَتَجَوَّلُ :
Kita bersiar-siar :

نُصَادُ :
Kita memancing :

سَأَتَّصِلُ هَاتِفِيًّا :
Saya akan hubungi
secara telefon

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengaroh JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
Bin Hashim Al-Hafiz
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim
(Imam Satu)

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

Pembantu Balqis yang berasa dirinya kuat berkata: "Kita memiliki kekuatan dan keberanian dalam peperangan, namun keputusan tetaplah berada di tanganmu. Maka pertimbangkanlah apa yang akan Engkau putuskan."

Selanjutnya, terjadilah pembahasan antara ratu Balqis dengan para pembantunya itu. Dia memperingatkan bahawa Sulaiman akan menyerbu negeri Saba' jika tidak mahu memenuhi ajakannya untuk masuk Islam. Diingatkan pula tentang akibat peperangan yang akan menimpa rakyatnya, iaitu berupa kehancuran dan kehinaan.

Akhirnya ratu Balqis memutuskan hendak menguji lebih dahulu: "Apakah Sulaiman itu seorang raja biasa atau seorang Rasul dan Nabi Allah yang harus ditaati?"

Ketika datang utusan Balqis kepada Nabi Sulaiman a.s membawa hadiah berharga. Sulaiman berkata: "Apakah patut kamu menolongku dengan harta? Apa yang diberikan Allah S.W.T. kepadaku lebih baik daripada apa yang diberikan-Nya kepadamu, tetapi kamu berasa bangga dengan hadiahmu ini."

Kemudian Nabi Sulaiman memberi peringatan kepada mereka atas datangnya serangan kilat yang menggunakan jin, manusia, burung dan angin yang ditundukkan Allah S.W.T. kepadanya.

"Kembalilah kepada negerimu. Sungguh kami akan mendatangi mereka dengan bala tentera yang tidak mampu mereka lawan. Namun pasti kami akan mengusir mereka dari negeri Saba' secara terhina dan mereka akan menjadi tawanan yang hina-dina." Ucap Nabi Sulaiman.

Mendengar laporan utusannya itu, ratu Balqis berasa yakin bahawa Sulaiman adalah seorang Nabi yang ditus oleh Allah S.W.T. di samping kedudukannya sebagai seorang raja. Oleh kerana itu, tiada pilihan lain baginya selain mendatanginya, mentaati dan memeluk agamanya, iaitu Islam.

Sebelum Balqis tiba di kerajaan Nabi Sulaiman, Kerajaan' Saba' telah dipindahkan ke tempat kerajaan Nabi Sulaiman dalam sekejap. Ini membuktikan dan meyakinkan bahawa Sulaiman adalah seorang Nabi dan Rasul serta memiliki mukjizat yang dianugerahi oleh Allah S.W.T. kepadanya.

Ketika Balqis masuk istana Sulaiman di bait Al-Quds, dia terperanjat ketika melihat singgahsana negeri Saba' yang terletak di Jazirah Arab telah berpindah ke Palestin di sebelah utara.

Nabi Sulaiman a.s. lalu bertanya kepadanya: "Apakah seperti inilah singgahsana kamu?"

"Benar seperti itu." Jawab Balqis singkat. Saat itulah ratu Balqis mengakui kepada Allah S.W.T. dengan ucapannya:

"Ya Allah, Tuhanku. Sesungguhnya aku telah berbuat aniaya terhadap diriku dan aku berserah diri bersama

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz 8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < sambungan dari m/s 3

Sulaiman kepada Engkau, Tuhan semesta alam."

Kisah ratu Balqis yang bijak bestari ini dengan Nabi Sulaiman bin Daud a.s. dapat dibaca dalam kitab suci Al-Quran pada surah An-Naml: 15-45.

Balqis adalah contoh wanita bijaksana yang menduduki takhta kerajaan dan memberikan pengajaran nan berharga bagi wanita muslim."

Nabi Sulaiman a.s

Kebijaksanaan Menyelesaikan Masalah

Dua wanita itu hidup bertetangga. Kedua-duanya sama-sama hamil tua dan sama-sama merindui anak yang pertama.

Pada suatu hari, kedua-dua wanita itu pun sama-sama melahirkan seorang anak. Alangkah gembira hati kedua-dua wanita itu.

Namun, malang bagi wanita pertama kerana anaknya yang lahir itu meninggal dunia.

"Keadaan saat itu sangat sepi dan tidak seorang pun yang mengetahui bahawa anaknya telah mati. Wanita itu mempunyai fikiran yang lain"

Dengan perasaan hiba dia menjenguk anak dari wanita kedua. Setelah agak berapa lama, dia berkata: "Wahai sahabatku, bila engkau mempunyai keperluan,

tinggalkanlah anak kamu. Akan kutunggu dia sebentar," katanya kepada wanita kedua.

"Terima kasih wahai sahabatku. Memang aku akan pergi sebentar. Tolonglah aku, tunggulah anakku sebentar." Jawab wanita kedua. Dia pun pergi meninggalkan rumahnya.

Sewaktu wanita kedua itu pergi, wanita pertama melaksanakan niatnya. Dia membawa bayi dari wanita kedua tadi itu ke rumahnya.

Maka anaknya yang telah tiada bernafas lagi dan membawanya ke rumah wanita kedua.

Dengan demikian, bayi yang telah mati, yakni anak wanita pertama itu ditukar dengan bayi yang masih hidup, anak dari wanita kedua.

Setelah wanita kedua selesai mengerjakan keperluannya, wanita pertama pun pulanglah. Namun, tidak berapa lama, gemparlah rumah wanita kedua itu. Dia menangis meraung setelah mengetahui bahawa anaknya tiada bernyawa lagi. Para tetangga pun datanglah menziarahinya.

Bersambung di minggu hadapan

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

13.3.2009 - RM 4,716.80

PERINGATAN :

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI